

Ralat dalam memaparkan menu: Table 'mofportal.#__falang_content' doesn't exist SQL=SELECT falang_content.reference_field, falang_content.value, falang_content.reference_id, falang_content.original_value FROM #__falang_content AS falang_content WHERE falang_content.language_id=3 AND falang_content.published=1 AND falang_content.reference_id IN(1452,1459,1665,1466,1463,1462,1464,1460,1647,1453,1454,1468,1470,1472,1471,1455,1480,1483,1484,1486,1489,1491,1493,1465,1469,1666,1477,1478,1481,1479,1473,1648,1456,14 AND falang_content.reference_table='menu'

Utusan Malaysia - BNM Perkenal eCCRIS Seजार Era Digital

Isnin, Jan 22 2018

BNM perkenal eCCRIS sejajar era digital

ALOR SETAR 19 Jan. - Bank Negara Malaysia (BNM) memperkenalkan Sistem Maklumat Rujukan Kredit Berpusat secara elektronik atau eCCRIS selari dengan arus perkembangan teknologi digital untuk terus maju ke hadapan.

Gabenor BNM, Tan Sri Muhammad Ibrahim berkata, usaha itu akan mendigitalkan perkhidmatan kewangan serta memperkasakan kemampuan pengguna untuk mengurus kewangan dengan lebih berhemah.

"eCCRIS ini akan memperluas-

kan skop penggunaan CCRIS.

"CCRIS bukan sahaja digunakan oleh peminjam dan pemberi pinjaman, tetapi juga bagi tujuan pemeriksaan kewangan individu, aktiviti pengurusan dan penyelesaian hutang serta proses saringan pemohon pekerjaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap melancarkan eCCRIS bersempena dengan Karnival Kewangan Kedah 2018 di sini hari ini.

Muhammad memberitahu, perkembangan tersebut adalah sejajar

dengan aspirasi BNM untuk melihat penggunaan skor kredit yang lebih meluas.

"Skor kredit bukan sahaja boleh membantu institusi kewangan membuat keputusan kredit, tetapi juga memberi gambaran, pandangan dan kefahaman terhadap tingkah laku pengguna.

"Maklumat ini boleh digunakan oleh individu untuk mengambil tindakan yang bersesuaian bagi meningkatkan peluang mendapatkan pembiayaan dan akses kepada

perkhidmatan kewangan," ujarnya.

Tambah beliau, perkhidmatan kewangan melalui digital seperti saluran internet akan menjurus kepada penggunaan wang tunai yang rendah sekali gus meningkatkan kecakapan penyedia perkhidmatan.

"Konsep utama memanfaatkan inovasi dan teknologi terhadap pengetahuan serta pengurusan kewangan pengguna harus dipertingkatkan lagi ke arah mencapai kesejahteraan kewangan rakyat secara menyeluruh," katanya.